

BAB TUJUH

RINGKASAN DAN KESIMPULAN

Kajian mengenai kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India ini telah melahirkan banyak simpulan. Pertamanya, kedatangan masyarakat India dari negara India telah melahirkan masyarakat buruh India di Malaysia. Ini adalah kerana masyarakat India yang datang dari negara India terdiri daripada golongan miskin dan tiada kekuatan penguasaan ekonomi. Mereka juga tidak berpendidikan dan tiada motivasi untuk meningkatkan mobiliti sosial. Masyarakat India yang ada pada masa sekarang mencerminkan hasil masyarakat India abad ke-19 dan awal abad ke-20. Keadaan ini telah menyebabkan tidak berlakunya mobiliti sosial di kalangan masyarakat India. Ini adalah kerana pembangunan negara masih terus melahirkan masyarakat buruh moden di Malaysia. Walau bagaimanapun, golongan berpendidikan dapat meningkatkan mobiliti sosial dan memecahkan tradisi “buruh India”.

Faktor penolak dan penarik telah menyebabkan masyarakat India menjadi masyarakat minoriti di Malaysia. Penetapan tetap masyarakat India di Malaysia telah mewujudkan kesedaran politik. Ini adalah kerana masyarakat India sedar bahawa kepentingan dan hak mereka di Malaysia hanya dapat dikekalkan melalui kuasa politik. Maka, lahirlah MIC pada tahun 1946 untuk memperjuangkan hak masyarakat India di Malaysia. Sejak awal lagi MIC telah menjadi badan politik minoriti dalam ikatan Parti Perikatan dan kemudiannya dalam Barisan Nasional. MIC boleh dianggap parti politik yang lemah kerana

hanya mewakili masyarakat India tidak berupaya atau berkedudukan untuk menuntut secara berkesan.¹ Ini dapat dilihat apabila tidak ada satu kawasan pilihanraya pun yang mempunyai majoriti pengundi India. Akibatnya, masyarakat India terpaksa bergantung kepada masyarakat lain untuk mendapatkan bantuan ataupun pertolongan. Ini adalah kerana kemenangan mereka dalam pilihanraya adalah atas sokongan yang diberikan oleh masyarakat bukan India. Jadi,

“... the plantation worker cannot depend on MIC to gain concessions politically, economically and socially for him because the MIC can never be a pressure group in the National Front.”²

Kedudukan MIC yang lemah sebegini tidak dapat memberi sebarang jaminan kukuh dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India seperti yang dibincang dalam Bab Keempat. Dalam bidang pendidikan masyarakat India secara keseluruhan masih mengutamakan sekolah-sekolah Tamil. Seajar dengan ini, MIC turut mengutamakan sekolah-sekolah Tamil untuk meraih sokongan padu masyarakat India terhadap partinya juga untuk mengekalkan kebudayaan Tamil. Peranan dan kelemahan MIC boleh dilihat dari segi sumbangan mereka dalam bidang pendidikan. Sumbangan MIC terhadap sekolah-sekolah Tamil adalah dalam bentuk membaikpulih struktur bangunan dan mendapatkan sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi membina bangunan baru. Selain itu, peranan MIC dalam pemberian biasiswa pendidikan terutamanya dari dana MIED dan penubuhan kolej-kolej

¹ Vasil, R.K., *Ethnic Politics in Malaysia*, Radiant Publishers, New Delhi, 1980, hlm 93.

² Daniel, J.R., *A Socio-Economic Study of The Indians in the Rubber and Oil Palm Estates in the States of Perak and Selangor*, M.A. Tesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm 30.

berorientasikan Teknologi Maklumat telah mula menyedarkan masyarakat India akan kepentingan pendidikan. Walaupun begitu, MIC masih gagal mengubah pendirian Kerajaan agar sekolah-sekolah Tamil yang menerima bantuan modal diberikan bantuan penuh. Ini menunjukkan MIC masih belum cukup memainkan peranan yang sewajarnya dalam bidang pendidikan.

Keempatnya, dalam bidang ekonomi penguasaan masyarakat India dalam ekuiti negara masih berada di bawah paras 2 peratus. Jadi, untuk meningkatkan ekuiti negara, MIC telah mewujudkan banyak koperasi seperti NESA, KPJ dan Maika Holdings. Tetapi, hasilnya tidak memuaskan masyarakat India. Ini adalah kerana pelaburan masyarakat India tidak dapat bersaing dengan kepantasan perkembangan ekonomi negara. MIC menuduh,

“Kerajaan telah gagal untuk melatih tenaga buruh yang tinggal di ladang-ladang getah walaupun negara menuju era negara perindustrian.”³

Akibatnya, masyarakat India yang serba kekurangan tidak dapat bersaing dengan masyarakat lain untuk terus maju. MIC pula tidak berjaya melahirkan usahawan yang boleh dicontohi oleh masyarakat India. MIC tidak menjadi pendorong kepada masyarakat untuk terus maju dan menguasai peluang ekonomi yang ada di Malaysia.

³ Laporan Tahunan, Perhimpunan Agong MIC Yang Ke43, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1996, hlm 44.

Selain itu, polisi Kerajaan memaparkan “race-oriented” ataupun polisi yang berasaskan perkauman seperti Dasar Ekonomi Baru yang lebih menekankan keetnisitian kumpulan majoriti,⁴ maka MIC baru berusaha memulakan perniagaan dengan mewujudkan konsortium. Sistem ini telah lama dipraktikkan oleh orang-orang Cina dengan bantuan kerjasama daripada MCA dan orang-orang Melayu dengan bantuan kerjasama daripada UMNO. MIC agak lewat mengimplimentasi sistem konsortium ini di kalangan masyarakat India. Walau bagaimanapun, permulaan pertama ke arah konsortium diharap dapat mempengaruhi masyarakat India yang lain untuk turut mengikut jejak langkahnya.

Kesimpulan kelima yang dapat diperolehi hasil daripada kajian ini memaparkan masyarakat India menghadapi dilema yang sangat serius dalam usaha menangani masalah devian. Ini adalah kerana dalam keghairahan pembangunan, MIC tidak memberi perhatian serius terhadap masalah sosial yang telah melanda masyarakat India. Akibatnya, Kerajaan sudah tidak dapat mengawal masalah devian yang diwujudkan oleh masyarakat India. Akhirnya, pihak berkuasa telah meminta MIC agar merancang sesuatu agar masalah devian ini dapat dibendung. Maka, barulah MIC mewujudkan Yayasan Strategik Sosial pada tahun 1997 untuk mengumpul maklumat dari kawasan-kawasan yang dianggap tapak penularan masalah devian di kalangan masyarakat India. Setakat ini, Yayasan Strategik Sosial yang diwujudkan oleh MIC belum menghasilkan sebarang keputusan yang positif. Ini adalah kerana badan ini masih dalam usaha

⁴ Goh Cheng Teik, *Racial Politics in Malaysia*, FEP International, Petaling Jaya, 1989, hlm. 63.

mengumpul data-data yang relevan dengan masalah devian di kalangan masyarakat India.

Kesimpulannya, MIC harus mengorak langkah baru dalam semua bidang untuk mendapatkan kepercayaan dan sokongan padu masyarakat India. Tetapi, hasrat ini sukar dikecapi kerana MIC masih tidak aktif menyedarkan kepentingan penghijrahan masyarakat India dari kawasan perladangan ke kawasan perumahan yang lebih sistematik. Kegagalan ini telah menyebabkan MIC tidak berperanan untuk menawan dan memenangi hati masyarakat India. Ini mengakibatkan sokongan masyarakat India terhadap MIC mula mengalami kemerosotan. Keadaan sebegini boleh menyebabkan MIC terus menjadi parti politik minoriti yang lebih lemah dalam komponen Barisan Nasional.

Maka, MIC dengan rasa bangga terus menerima pembahagian kerusi yang diperuntukkannya. Keadaan ini menyebabkan MIC melemparkan tuduhan terhadap masyarakat India akan had kuasa politiknya. MIC tidak pernah mengaku bahawa mereka sebenarnya telah gagal mengumpul semua masyarakat India di bawah satu payung iaitu MIC. Situasi ini telah menyebabkan MIC tidak dapat menuntut sebarang hak istimewa daripada kerajaan terhadap sekolah-sekolah Tamil. Ini adalah kerana MIC menggunakan isu sekolah-sekolah Tamil sebagai platform untuk meraih sokongan masyarakat India terhadap MIC. Oleh sebab itulah, MIC masih ingin terus kekalkan sekolah-sekolah Tamil walaupun sekolah-sekolah Tamil menghasilkan keputusan yang paling rendah berbanding dengan sekolah-sekolah lain.

Keputusan peperiksaan yang rendah di kalangan pelajar-pelajar India telah menyebabkan mereka tidak berupaya menjawat apa-apa jawatan tinggi dalam sektor Kerajaan mahupun swasta. Keadaan ini menyebabkan MIC tidak berperanan mewujudkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat India. Lagipun MIC gagal menjadi contoh terbaik dalam aspek pelaburan. Berlakunya keadaan sebegini adalah disebabkan oleh MIC yang gagal merancang masa depan masyarakat India.

Kegagalan menguasai ekuiti negara turut mewujudkan masalah devian di kalangan masyarakat India. Walaupun pelbagai alasan boleh diutarakan oleh pihak MIC, namun demikian MIC dengan sendirinya gagal mengenalpasti langkah-langkah efektif yang boleh diambil sejak awal-awal lagi. Jadi, setiap pihak yang terlibat menuding jari antara satu sama lain kerana gagal membawa perubahan dalam mengurangkan masalah devian.

Berikut adalah beberapa kesimpulan yang diperoleh hasil kajian mengapa MIC tidak dapat memainkan peranan yang efektif. Kesimpulan-kesimpulan ini boleh diklasifikasi dalam beberapa kategori seperti berikut:

Kategori A - Politik

- (i) Kekuatan parti politik MIC lemah kerana masyarakat India merupakan masyarakat minoriti iaitu cuma 1.6 juta orang sahaja berbanding dengan 22 juta orang penduduk Malaysia.

- (ii) Sokongan masyarakat India dari segi politik tidak hanya bertumpu pada MIC tetapi juga pada parti politik DAP, Gerakan, PRM, PPP dan KEADILAN. Ada sebilangan masyarakat India yang tidak menyokong ataupun berminat dengan mana-mana parti politik.
- (iii) MIC tidak sepenuhnya berjaya menyedarkan masyarakat India akan kepentingan berpolitik dan bernaung di bawah payung MIC.
- (iv) MIC tidak dapat memaksa Kerajaan dalam mana-mana aspek kerana masyarakat India belum cukup kuat dalam bidang ekonomi, pendidikan dan politik.
- (v) Pemimpin-pemimpin MIC itu sendiri kurang mempunyai semangat masyarakat. Ini mengakibatkan mereka hanya membantu bagi masyarakat India yang datang meminta bantuan mereka berulang kali.
- (vi) MIC tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat India kerana adanya "had" bagi MIC dalam komponen Parti Barisan Nasional.
- (vii) Kegagalan MIC untuk menggubal ataupun memansuhkan sebarang undang-undang di Parlimen mencerminkan kepada masyarakat Malaysia bahawa MIC merupakan sebuah parti politik yang lemah.

Kategori B – Masalah Dalaman

- (i) Wujudnya masalah perebutan kuasa dalam parti MIC itu sendiri. Pemimpin-pemimpin MIC telah mewujudkan blok-blok sokongan tersendiri dalam parti MIC. Ini menyebabkan pemimpin-pemimpin MIC tidak dapat memainkan peranan mereka sebagai pemimpin kepada semua masyarakat India. Ini menunjukkan kelemahan struktur organisasi MIC.
- (ii) Kewujudan sistem kasta dalam parti MIC itu sendiri menyebabkan beberapa pemimpin yang menganggap kastanya lebih tinggi kedudukannya terus menjadi pemimpin. Dan terus mewujudkan keretakan dalam MIC itu sendiri.
- (iii) Wujudnya sistem “kangani moden” dalam parti MIC itu sendiri. Sesiapa yang mengkritik MIC samada secara positif ataupun negatif akan terus diabaikan ataupun disingkirkan.
- (iv) Pemimpin-pemimpin MIC sentiasa menganggap mereka adalah ahli politik sepenuh masa. Bagi mereka, segala usaha menuntut keperluan masyarakat harus dilakukan oleh badan-badan bukan Kerajaan (NGO), persatuan-persatuan dan kelab-kelab masyarakat India itu sendiri samada melalui mereka ataupun terus kepada pihak Kerajaan.

Kategori C – Hubung Luar

- (i) Pemimpin-pemimpin MIC cuba mewujudkan hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA dengan tidak menyuarakan kehendak masyarakat India. Dengan menjaga nama baik mereka berharap akan mendapat sokongan Kerajaan Negeri untuk menjadi pemimpin masyarakat India pada masa akan datang.
- (ii) Parti Politik MIC dan pemimpin-pemimpin MIC itu sendiri tidak mempunyai hubungan baik dengan semua agensi Kerajaan kerana kekurangan skil perhubungan. Ini mengakibatkan kebanyakan masalah yang dihadapi masyarakat India tidak dapat diselesaikan.
- (iii) Kewujudan masyarakat India di Malaysia akan terus mula hilang dari mata dunia Malaysia sekiranya pemimpin-pemimpin MIC dan wakil-wakil MIC diperingkat Kerajaan terus mendiamkan diri.

Kategori D – Masyarakat India

- (i) Masyarakat India yang mempunyai keluarga yang besar dan lemah dari segi penguasaan ekonomi tidak dapat memberi sokongan dan khidmatnya kepada MIC.

- (ii) Kebanyakan masyarakat India yang berpendidikan dan berpandangan jauh tidak mahu menyertai MIC kerana pandangan dan idea mereka tidak diterima oleh MIC.

Akhir sekali, MIC haruslah memainkan peranan yang sepatutnya dan masyarakat India pula haruslah memberikan kerjasama yang diperlukan oleh MIC. Tanpa kerjasama, kedua-dua pihak akan mengalami kerugian yang tidak dapat ditebus.